

**UTAMA**

# MAHASISWA UniMAP BERBAKTI DI DUN KAYANG

26 Januari 2008 – seramai 765 orang mahasiswa & Mahasiswi UniMAP telah terlibat di dalam Program Bersama Komuniti yang telah diadakan sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kayang. Program Bersama Komuniti (PBK) ini merupakan salah satu daripada aktiviti-aktiviti di bawah Program Rakan Pendamping Siswa (RPS) – 7 Kursus Wajib Universiti atau dikenali sebagai 7 Pillars. Program ini diwajibkan kepada semua mahasiswa & mahasiswi UniMAP dan sebilangan besar mahasiswa & mahasiswi yang menyertainya merupakan mahasiswa & mahasiswi tahun 2 UniMAP. Pada kali ini Program Bersama Komuniti ini telah dikelolakan dan dianjurkan oleh PPK Mekatronik dan PPK Pembuatan dengan kerjasama Sekretariat Rakan Pendamping Siswa (RPS), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Selain daripada usaha untuk memperkenalkan UniMAP kepada masyarakat setempat sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi semata-mata tetapi juga sebagai sebuah institusi yang turut memberikan penekanan kepada sumbangan kepada masyarakat setempat. Justeru itu, program ini telah dilaksanakan berteraskan pada matlamat dan objektif untuk mewujudkan suasana yang positif dan harmoni di antara mahasiswa & mahasiswi dengan masyarakat di Negeri Perlis terutamanya penduduk-penduduk di DUN Kayang. Selain daripada itu, program sebegini juga bukan hanya sekadar untuk mewujudkan hubungan silaturrahim, tetapi juga cuba untuk memberikan ruang kapada mahasiswa UniMAP untuk berbakti dan berganding bahu dengan masyarakat di sekitar kampus.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mahasiswa & mahasiswi UniMAP dalam program ini adalah aktiviti mengindahkan landskap, gotong royong, mengecat dan mengadakan ceramah motivasi. Kesemua aktiviti ini telah dilakukan di 6 buah sekolah dan 2 buah masjid yang telah dikenalpasti oleh pengajur. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Kayang, Sekolah Kebangsaan Panggau, Sekolah Kebangsaan Ujong Batu, Sekolah Kebangsaan Titi Tok Bandar, Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seriab. Manakala dua buah masjid yang terlibat adalah Masjid Kota Kayang dan Masjid Behor Mali (Al-Redzuan). Semua mahasiswa & mahasiswi UniMAP telah bertolak ke lokasi-lokasi yang telah ditetapkan bermula jam 8.00 pagi dan hanya mula melakukan aktiviti-aktiviti gotong royong dan ceramah motivasi selepas selesai majlis ringkas di lokasi-lokasi yang ditetapkan.

Pada sebelah petangnya pula telah diadakan Majlis Perasmian Penutupan Program Bersama Komuniti. Majlis Penutupan ini telah diadakan bertempat di Padang Sekolah Kebangsaan Panggau, salah satu lokasi bagi Program Bersama Komuniti. Yang Berhormat Tuan Haji Azam bin Rashid, Wakil Rakyat bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kayang merangkat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah hadir bagi merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Program Bersama Komuniti pada petang tersebut. Hadir bersama dalam majlis tersebut adalah Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon bin Md Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Arabangsa) yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP. Turut hadir bersama adalah Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Inovasi dan Penyelidikan), Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom, Dekan PPK Mekatronik, Encik Zulkifli bin Abdul Rashid, Dekan PPK Pembuatan, Dr. Hazry Desa Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) PPK Mekatronik yang juga merangkap Penasihat Aktiviti bagi Program Bersama Komuniti dan Guru-Guru Besar, Pengetua-Pengetua dan Pengurus-Pengurus PIBG Sekolah-Sekolah tempat aktiviti dilaksanakan serta Iman-iman masjid yang terlibat. Yang Berhormat Tuan Haji Azam bin Rashid dalam ucapannya amat mengalu-alukan program-program sebegini kerana ianya merapatkan lagi perhubungan antara mahasiswa & mahasiswi UniMAP, UniMAP dan penduduk sekitar. Beliau juga menzhirkan agar UniMAP dapat meneruskan lagi program-program sebegini pada masa-masa yang akan datang. Majlis perasmian ini turut diserikan dengan persembahan yang telah dipersembahkan dari pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Panggau. Sebelum majlis perasmian berakhir, Yang Berhormat Tuan Haji Azam bin Rashid telah menyampaikan cenderahati kepada wakil sekolah-sekolah dan masjid-masjid yang terbabit dalam Program Bersama Komuniti ini dan sesi penyampaian cenderahati ini diakhiri dengan Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon bin Md. Shakaff telah menyampaikan cenderahati kenang-kenangan daripada Jawatankuasa Pengajur dan UniMAP kepada Yang Berhormat Tuan Haji Azam bin Rashid.

